

Bimbang lihat senario makanan 'recycle'

SINAR HARIAN 09-06-2017
KUANTAN - Tiada jaminan terhadap tahap kebersihan makanan dan minuman yang dijual di setiap bazar Ramadan, justeru risiko itulah yang perlu dihadapi setiap pelanggan.

Sinar Harian sempat membuat tinjauan orang ramai bagi mendapatkan pandangan sejauh mana tahap keyakinan mereka untuk mendapatkan juadah di bazar.

Jihan Mohd Burhanuddin, 35, berkata, semua makanan yang dijual di bazar nampak sedap tetapi rasa sebenar dan kualiti pembuatannya tidak diketahui sebelum dapat merasanya terlebih dahulu.

"Kalau saya lihat peniaga patuh syarat

yang ditetapkan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) sebagai contoh peniaga tutup semua makanan, pakai topi dan penutup mulut... baru saya yakin terhadap kebersihan juadah yang dijual," katanya di sini, semalam.

Mohd Rizal Ramly@Tamrin, 38, pula berkata, dia bimbang melihat senario makanan 'recycle' yang masih terjadi hingga ke hari ini.

"Saya lihat ramai yang meniaga, pelanggan pula makin kurang. Tu yang ada makanan tak habis³ dijual. Sesetengah peniaga yang tak mahu rugi, mereka jual balik baki makanan. Sebab itu ada kes keracunan makanan," katanya.